

**ISLAM SEBAGAI "AL-DĪN":
BEBERAPA PENGAMATAN TERHADAP
PEMIKIRAN SYED MUHAMMAD
NAQUIB AL-ATTAS**

Oleh:
Mohd Zariat Abdul Rani *

Abstract

Syed Muhammad Naquib al-Attas has drawn the attention of the Muslims to their dilemma in their own misunderstandings and misperceptions of Islam. In his exposition on the concept of religion, al-Attas examined four significant concepts derived from the word "al-Dīn," which are indebtedness, natural tendency or inclination, judicious power and submissiveness. He indeed proposed all of these concepts as a major foundation of a Muslim's life. In line with these concepts explained by al-Attas, the meaning of the "Nature of Man" in which he clarified the reality of man's existence and his role as Allah creation. Furthermore, in his explanation on meaning of the "Nature of Knowledge," al-Attas elaborated the classification of knowledge that must be understood by Muslims. Along with the arguments, he also redefined the meaning of pro-

* Mohd Zariat Abdul Rani adalah pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.

gression, development and change to cohere with the spirit of Islam. Precisely, al-Attas elaborated most of his arguments based on concrete understanding of Islamic "Vision of Reality" and the foundation of ethics and morality, which to him are perfect guides to every Muslims' life. Taking into consideration of al-Attas's ideas, this paper will look into his concepts of Islam as "al-Din" (a way of life) and highlight his clarifications on the concept of the "Nature of Man" and the "Nature of Knowledge."

Pengenalan

Secara umumnya umat Islam memahami bahawa ajaran Islam, sebagaimana yang terkandung dalam al-Qur'an dan al-Hadith tidak pernah menghalang mereka daripada mengejar serta mencapai kemajuan hidup di dunia. Namun dapat dikatakan bahawa kesedaran ini sahaja tidak banyak membantu umat Islam dalam persaingannya dengan bangsa-bangsa lain di dunia ini sehingga mereka rata-rata agak ketinggalan terutamanya dari segi kemajuan material. Menyedari akan dilema yang dihadapi oleh sebahagian besar umat Islam hari ini, beberapa orang sarjana Islam berusaha untuk menyumbangkan idea serta pandangan mereka, guna bagi membebaskan umat Islam daripada terus dibelenggu dengan kemiskinan dan kemunduran ini. Antara sarjana Islam yang mengambil inisiatif ini ialah Syed Muhammad Naquib al-Attas yang secara umumnya menyifatkan bahawa kelemahan umat Islam dalam mengejar kemajuan hari ini banyak berpunca daripada kekeliruan mereka terhadap ajaran serta isi kandungan al-Qur'an itu sendiri, terutamanya pemahaman mereka tentang hakikat penciptaan serta pandangan hidup Islam.

Bertolak daripada pemahaman di atas, makalah ini akan mengamati beberapa pandangan al-Attas, sebagaimana yang terkandung dalam dua tulisan beliau yang bertajuk Islam: *The Concept of Religion and The Foundation of Ethics and Morality* (1992) dan *The Nature of Man and The Psychology of The Human Soul*

(1990). Melalui tulisan yang pertama, makalah ini akan meneliti kupasan serta huraian beliau tentang konsep "al-Din," khususnya merujuk kepada ideanya berkenaan dengan "Hakikat Insan" (*Nature of Man*) dan "Hakikat Ilmu" (*Nature of Knowledge*). Seterusnya, tulisan al-Attas yang kedua pula akan digunakan untuk memahami serta memperincikan beberapa aspek yang dianggap penting terutamanya yang berkaitan dengan "Hakikat Insan." Selain itu juga, makalah ini turut memanfaatkan beberapa tulisan lain yang dihasilkan oleh beberapa sarjana serta beberapa petikan Al-Qur'an dan tafsirannya rata-rata guna bagi mengukuhkan huraian dan perincian yang dilakukan terhadap pandangan al-Attas. Secara teknikalnya, makalah ini akan terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu "Hakikat Insan" dan "Hakikat Ilmu." Meskipun penggunaan beberapa sub-topik akan turut dilakukan, namun sayugia diingatkan bahawa pembahagian ini bukan bertujuan untuk memecahkan isi secara berasingan, sebaliknya lebih berfungsi untuk memudahkan pemahaman.

Konsep "al-Din"

Sejajar dengan usaha beliau untuk merungkaikan dilema yang dihadapi oleh sebahagian besar umat Islam, dapat dikatakan bahawa al-Attas melalui tulisan yang pertama itu banyak menjelaskan tentang betapa perlunya ajaran Islam itu difahami berasaskan kepada konteks dan asas pemahaman yang tepat. Oleh sebab itu, dalam menghuraikan tentang faham agama, beliau rata-rata menolak penggunaan istilah "*religion*" (agama), yang pemahamannya bukan sahaja membawa pengertian yang sempit, bahkan dianggapnya tidak mampu untuk menampung makna serta pengertian Islam yang pada hakikatnya lebih merupakan sebagai "suatu cara hidup" yang sempurna. Justeru, al-Attas menegaskan bahawa penghuraian beliau terhadap Islam akan banyak bertolak serta bersandarkan kepada faham yang terkandung dalam istilah "al-Din" yang menurutnya bukan sahaja lebih tepat, bahkan sarat dengan beberapa konotasi positif, khususnya yang berkaitan dengan "Hakikat Insan" dan "Hakikat Ilmu."

Bagi memantapkan pemahaman tentang konsep "al-Dīn" ini, al-Attas seterusnya menjelaskan tentang pentingnya kupasan dilakukan secara etimologi, berasaskan kepada tafsiran serta penjelasan al-Qur'an dengan meletakkannya dalam konteks yang sesuai dan relevan. Bertunjangkan kepada pemahaman ini, al-Attas telah mengutarakan empat konsep penting yang terkandung dalam istilah "al-Dīn," yang juga merupakan antara dasar penting dalam ajaran Islam, iaitu konsep "keberhutangan" (*indebtedness*), "penyerahan" (*submissiveness*), "kebijaksanaan" (*judicious power*) dan "kecenderungan semulajadi" (*natural inclination or tendency*).¹ Oleh kerana kesemua konsep ini merupakan teras dalam pemahaman tentang "Hakikat Insan" dan "Hakikat Ilmu," maka dalam membincangkan kedua-dua aspek tersebut penjelasan tentang pengertian "al-Dīn" secara terperinci menurut penjelasan al-Attas adalah relevan.

1) Hakikat Insan

a. Konsep Keberhutangan (*Indebtedness*)

Bertolak daripada pembahagian konsep di atas, al-Attas menjelaskan bahawa secara etimologinya istilah "al-Dīn" dapat dicerakinkan kepada kata kerja "*dana*" yang bermaksud "keberhutangan" (*being indebted*). Seterusnya, kata kerja "*dana*" ini juga dikaitkannya dengan kata "*dā'in*", yang bermaksud "urusan hutang-piutang" yang pada kebiasaannya akan melibatkan dua belah pihak iaitu "pihak yang berhutang" (*debtor*) dan "pihak yang memberi hutang" (*creditor*). Kata "*dā'in*" ini juga dianggap oleh al-Attas mengandungi pengertian yang pada kebiasaannya, "pihak yang berhutang" (*debtor*) akan sentiasa patuh dan rela untuk "mematuhi" (*obeying*) dan "mendukung" (*yielding*) syarat-syarat, sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian "hutang-piutang" tersebut. Oleh sebab itu, rasa tanggung jawab atau "kewajipan" untuk menjelas-

¹ Sila rujuk Syed Muhammad Naquib al-Attas (1992), *Islām: The Concept of Religion and The Foundation of Ethics and Morality*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 2.

kan hutang-piutang ini menurut al-Attas akan terbit pada "pihak yang berhutang" dan kecenderungan ini menurutnya banyak terkandung dalam kata "*dayn*" yang bermaksud kewajiban (*obligation*).

Seterusnya, al-Attas melanjutkan pencerakinannya terhadap istilah "al-Dīn" dengan menjelaskan bahawa dalam "urusan hutang-piutang" ini, seringkali timbulnya masalah terutamanya yang berkaitan soal pembayaran semula hutang. Sesungguhnya, situasi ini lazimnya melibatkan soal penghakiman (*judgement*), sebagaimana yang terkandung dalam kata "*daynūnah*" dan soal "sabit kesalahan" (*conviction*) yang terkandung dalam kata "*idānah*" yang kedua-dua kata ini juga lahir daripada kata "*dana*."

Kata "*dana*" itu juga turut dikaitkannya dengan kata "*mudun*" atau "*madā'in*" yang bermaksud "bandar" atau "kota" kerana menurut al-Attas, "urusan hutang-piutang" ini merupakan sebahagian daripada aktiviti lumrah yang menjadi kelaziman bagi kebanyakan masyarakat kota yang sering terlibat dalam urusan perdagangan dan sebahagian besarnya pula terbabit dalam urusan pinjaman wang dan sebagainya. Berkaitan dengan istilah "*mudun*" dan "*madā'in*" ini juga, istilah "*dana*" juga dikembangkannya kepada kata "*dayyān*" yang bermaksud "golongan pentadbir dan hakim," yang menurut kebiasaannya merupakan jawatan yang penting dan perlu ada dalam pentadbiran sesebuah "*madīnah*" (bandar). Lebih lanjut lagi, istilah "*madīnah*" ini turut dikaitkan oleh al-Attas dengan kata kerja "*maddana*" yang bermaksud "membina" yang seterusnya melahirkan istilah "tamaddun" yang bererti pencapaian dan kemajuan hidup manusia.²

Hasil daripada kupasan terhadap kata "*dana*" yang terbit daripada kata "*dana*" (iaitu kata asal bagi "al-Dīn"), al-Attas seterusnya merumuskan satu aspek penting yang terkandung dalam konsep "al-Dīn," iaitu hakikat wujudnya hubungan dan pertautan yang erat antara dua pihak iaitu "pihak yang berhutang" dengan "pihak yang memberi hutang." Berdasarkan kepada konteks ini, al-

² *Ibid.*, hlm. 3.

Attas menjelaskan bahawa pada adat kebiasaannya, "pihak yang memberi hutang" akan berada pada kedudukan yang lebih tinggi dan mulia dan dianggap lebih berkuasa, berbanding pihak yang berhutang yang pada kebiasaannya akan dibebani dengan rasa rendah diri dan terikat dengan rasa tanggungjawab untuk melangsaikan segala hutang-piutang tersebut. Berdasarkan kepada hakikat ini, al-Attas menjelaskan bahawa situasi yang menjadi adat-kebiasaan dalam setiap "urusan hutang-piutang" pada hakikatnya dapat menggambarkan hakikat perhubungan manusia yang sentiasa terikat dengan janji terhadap Penciptanya iaitu Allah SWT.

Dalam kata lain, ajaran Islam pada hakikatnya meletakkan manusia sebagai "pihak yang berhutang," yang berhutang dengan Penciptanya atas segala nikmat yang dikurniakan ke atasnya. Seajar dengan konsep ini, manusia sebagai "pihak yang berhutang" secara prinsipnya wajib akur terhadap janji mereka untuk "melangsaikan" segala hutang-piutang kepada Tuhannya dengan syarat dan cara yang ditetapkan.³ Hakikat perjanjian manusia dengan Allah SWT ini menurut al-Attas terkandung dalam Surah al-A'raf ayat 172, yang antara lain bermaksud:

"Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): "Bukankah Aku ini Tuhanmu?" Mereka menjawab: "Betul (Engkau Tuhan kami), kami menjadi saksi." (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: "Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (keesaan Tuhan)."

Berdasarkan kepada ayat al-Qur'an di atas, al-Attas banyak menekankan tentang hakikat perjanjian antara manusia dengan Allah SWT sebelum manusia dihadirkan ke muka bumi yang rata-

³ Sila rujuk Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *The Nature of Man and The Psychology of the Human Soul*, Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), hlm. 2.

rata menyerlahkan ikrar dan pengakuan manusia terhadap Allah SWT untuk sentiasa memperakukan kewujudan dan kebesaran Penciptanya. Seterusnya, setelah dihadirkan manusia ke muka bumi, Allah SWT sentiasa memperingatkan hamba-Nya tentang hakikat "perjanjian asal" ini dengan melantik serta memberikan amanah kepada para rasul dan nabi serta mewahyukan Kitab Suci al-Qur'an sebagai pedoman kepada manusia dalam menempuh kehidupan di muka bumi.

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa hakikat yang terkandung dalam "Perjanjian Azali" inilah yang menurut al-Attas melahirkan "rasa keterikatan" yang rata-rata tidak memungkinkan manusia untuk "lepas-bebas" dan menjadi kufur terhadap tugas dan tanggungjawab yang dituntut oleh Allah SWT. Sesungguhnya pemahaman terhadap pandangan al-Attas ini dapat diperkukuhkan lagi dengan penjelasan oleh Fazlur Rahman tentang hakikat janji yang diungkapkannya sebagai "Primordial Covenant," sebagaimana berikut:

"...every person and every people have continuously to search their own consciences, and, because of this engraving upon their heart, which represents the Primordial Covenant, none may take refuge in the excuse that they had been preconditioned by the "hereditary memory," by the set ways of our forefather.⁴

Berteraskan asas perjanjian tersebut, al-Attas turut menegaskan bahawa sekiranya manusia mampu berfikir serta merenung tentang hakikat kewujudan mereka di muka bumi ini, mereka tidak tergamak untuk mempersoalkan kesahan dan rasional "rasa keterikatan" tersebut. Malahan ikatan perjanjian inilah yang akan menimbulkan rasa keinsafan kepada manusia sehingga menyedari bahawa mereka adalah makhluk yang terlalu kerdil untuk mencabar kekuasaan Penciptanya. Malahan hakikat kewujudan manusia itu sendiri ini bukan sahaja akan memperlihatkan

⁴ Sila rujuk Fazlur Rahman (1989), *The Major Themes of the Quran*, Minneapolis: Bibliotheca Islamica, hlm. 24.

kekurangan atau sifat lemah yang ada pada diri manusia, bahkan semakin menyerlahkan lagi keagungan dan kehebatan Allah SWT. Hakikat ini menurut al-Attas, andainya diamati oleh manusia akan dapat menimbulkan keikhlasan di sanubari mereka untuk terus mengabdikan diri kepada-Nya dengan berteraskan kepada rasa "keberhutangan" (*indebtedness*) atas segala nikmat dan rahmat yang dikurniakan oleh Tuhannya, seterusnya bercita-cita untuk "pulang" ke pangkuan Allah SWT dalam keadaan yang "sebaik-baiknya" (*husn al-khātimah*). Sesungguhnya, inilah hakikat yang terserlah daripada konsep "keberhutangan", yang lahir daripada istilah "al-Dīn." Sesungguhnya pemahaman ini banyak bersandar-kan kepada penjelasan al-Attas yang berikut:

"Seeing that he owns absolutely nothing to "repay" his debt, except his own consciousness of the fact that he is himself the very substance of the debt, so must he "repay" with himself, so must he "return" himself to Him Who owns him absolutely."⁵

Lanjutan daripada itu, al-Attas turut menegaskan bahawa konsep "keberhutangan" yang terkandung dalam istilah "al-Dīn" ini juga akan mendorong manusia untuk sentiasa akur serta patuh kepada hakikat bahawa mereka adalah milik Allah SWT. Malahan kehidupan di muka bumi ini, termasuk segala kurniaan dan rahmat yang dianugerahkan kepada manusia lebih merupakan sesuatu yang bersifat "pinjaman" (*qard*). Bertepatan dengan konsep "pinjaman" ini juga, manusia yang telah dipinjamkan oleh Allah SWT dengan segala kenikmatan dan kurniaan selama mereka hidup di dunia, akan turut dituntut untuk memulangkan segala "pinjaman" dalam keadaan yang baik dan sempurna rata-rata dalam bentuk "ibadah" kepada Allah SWT. Hakikat ini turut bermaksud bahawa terkandung dalam istilah "al-Dīn" ini ialah konsep "pengabdian" manusia kepada Allah SWT sebagai memenuhi tuntutan janjinya untuk memulangkan segala "kepunyaan" Tuhannya yang dipinjamkan kepada manusia.⁶ Bahawasanya hakikat "keterikatan"

⁵ Al-Attas, *Islām: The Concept of Religion*, hlm. 10.

⁶ *Ibid*.

manusia dengan kekuasaan Allah SWT serta tanggungjawab "ibadat" yang mesti ditunaikan oleh manusia kepada Penciptanya ini banyak diungkapkan oleh al-Attas sebagaimana berikut:

"...he is indebted absolutely to God, abases himself in service to Him; and hence the act of service, appropriate for him is called "ibadah" and the service is "ibadat", which refers to all conscious and willing acts of services for the sake of God alone and approved by Him, including such as are prescribed worship."⁷

b. Fitrah (*Natural Inclination or Tendency*)

Seterusnya, hakikat perhubungan manusia dengan Allah SWT yang berteraskan kepada "Perjanjian Azali," sebagaimana yang dinyatakan di atas banyak meletakkan manusia sebagai "pihak yang berhutang" kepada Allah SWT. Malahan dalam "urusan hutang-piutang", telah menjadi sesuatu yang lumrah kepada "pihak yang berhutang" untuk sentiasa merasai "keterikatan" dan tanggungjawab untuk melangsaikan segala hutang-piutang. Hakikat tersebut sekiranya diterapkan dalam konteks perhubungan manusia dengan Allah SWT, maka manusia sebagai "pihak yang berhutang" dapat dianggap perlu untuk sentiasa merasakan dan menerima hakikat bahawa kewajiban untuk melaksanakan ibadat kepada Allah SWT merupakan suatu "fitrah" yang dianggap oleh al-Attas turut terkandung dalam konsep "al-Din." Berdasarkan kepada pemahaman ini, dapat dikatakan bahawa manusia secara "fitrah"nya memang dijadikan Allah SWT dengan keinginan untuk sentiasa menyembah Penciptanya, iaitu dengan melakukan kebaikan serta menjauhkan segala laranganNya.

Selanjutnya, al-Attas turut menjelaskan bahawa "fitrah" dalam konteks "al-Din" ini merupakan satu sifat tabii yang ditetapkan Allah SWT pada makhluk ciptaan-Nya.⁸ Dalam kata lain, dengan

⁷ *Ibid.*, hlm. 11.

⁸ *Ibid.*

wujudnya "fitrah" ini, maka setiap ciptaan Allah SWT akan bergerak serta berlegar dalam lingkungan serta posisi yang telah ditetapkan oleh Penciptanya atau juga disebut sebagai "sunnat Allah". Bukan sahaja manusia, malahan seluruh alam semesta juga dijadikan Allah SWT dengan "fitrah"nya sendiri iaitu untuk memenuhi keperluan manusia yang diamanah oleh Allah SWT sebagai "khalifah Allah SWT" di bumi. Dalam konteks ini penjelasan Ismail R. Faruqi tentang konsep "*the idea of taskhīr*" dapat dianggap membantu pemahaman tentang hakikat alam semesta yang dijadikan oleh Allah SWT dengan fitrahnya yang tunduk kepada keperluan dan tuntutan hidup manusia, sesuai dengan kedudukan mereka sebagai "Khalifah Allah SWT di bumi, sebagaimana kata Faruqi:

"God has keeping its causal threads open to further determination by him, and to make his input successful in bringing about the desired objective of human action. This is what the Quran has expressed by the idea of "taskhīr." Sun, stars, animal, plants and things, clouds, air and all the elements are subservient to man."⁹

Sejajar dengan itu, al-Attas menjelaskan bahawa kepatuhan manusia dan segala ciptaan Allah SWT terhadap hukum-hukum alamiah yang telah difentukan-Nya ini banyak memberikan keharmonian hidup kepada manusia dan seluruh isi alam yang menjadi simbol ketaatan mereka terhadap Tuhannya. Manakala keengganan manusia untuk akur terhadap tuntutan "fitrah" ini pula akan mengakibatkan "pertentangan" dan menyerlahkan kesombongon serta penderhakaan manusia terhadap Allah SWT. Sesungguhnya, keakuran dan tunduknya manusia terhadap tuntutan "fitrah" ini turut melahirkan "kepatuhan" dan "ketaatan" yang tidak berbelah-bahagi oleh manusia terhadap "Perjanjian Azali" dengan Allah SWT iaitu untuk sentiasa melaksanakan perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Bahawasanya pemahaman inilah

⁹ Sila rujuk makalah Ismail R. Al-Faruqi bertajuk "Islam and The Theory of Nature," dlm. *Islamic Quarterly* (1) 1982, hlm. 22.

yang banyak terkandung dalam konsep dan pengertian "keterikatan terhadap fitrah" (*natural inclination or tendency*) yang terkandung di dalam konsep "al-Din," sebagaimana yang diperjelaskan oleh al-Attas.¹⁰

c. Penyerahan (*Submissiveness*)

Bertolak daripada pemahaman di atas, al-Attas turut menegaskan bahawa "kepatuhan" serta "keterikatan" manusia terhadap "fitrah" dan "sunnat Allah" ini rata-rata tidak dibiarkan oleh Allah SWT terawang-awangan, sebaliknya dipasakkan dengan pengertian "penyerahan" yang mutlak dan sejati. Ini bererti bahawa segala "kepatuhan" dan "keterikatan" manusia terhadap "fitrah" ini belum dapat dianggap sempurna selagi tidak disusuli dengan "penyerahan" yang mutlak kepada Allah SWT yang dizahirkan melalui niat, lafaz dan amal perbuatan mereka. Namun begitu "penyerahan" manusia kepada Allah SWT ini tidak pula dianggap oleh al-Attas merampas "hak dan kebebasan" manusia dalam menentukan kehidupan mereka kerana "hak dan kebebasan" seseorang individu dalam ajaran Islam menurutnya adalah berteraskan kepada pengertian "kebebasan bertindak atas tuntutan serta ikatan fitrah manusia." Sesungguhnya "penyerahan" yang mutlak dan sejati, sebagaimana yang terkandung dalam konsep "al-Din" ini dianggap oleh al-Attas menjadi teras yang mendasari perhubungan antara manusia dengan Allah SWT dan asas ini jugalah yang membezakan Islam dengan agama-agama yang lain di dunia ini, sebagaimana yang diperjelaskannya:

"... the submission according to Islam is sincere and total submission to God's Will, and this is enacted willingly as absolute obedience to the Law revealed by Him."¹¹

Lanjutan daripada konsep "penyerahan sejati" ini, dapat juga dikatakan bahawa ajaran Islam yang hakiki rata-rata tidak

¹⁰ Al-Attas, *The Nature of Man*, hlm. 2.

¹¹ Al-Attas, *Islām: The Concept of Religion*, hlm. 13.

memungkinkan "penyerahan" kepada Tuhan dilakukan oleh manusia tanpa disusuli dengan kepatuhan dan pengabdian yang sebenar-benarnya kepada Allah SWT. Dalam kata lain, bukanlah yang dimaksudkan dengan "penyerahan sejati" manusia kepada Allah SWT seandainya ia hanya diungkapkan dalam bentuk pengucapan lisan, sedangkan perbuatan dan amalan seharian yang dilakukan oleh manusia bercanggah dengan perintah Allah SWT. Sesungguhnya peristiwa penderhakaan iblis terhadap perintah Allah SWT supaya tunduk hormat kepada Nabi Adam AS banyak memperlihatkan hakikat bahawa Iblis yang menjadi saksi terhadap keesaan Allah SWT, pada masa yang sama menjadi penderhaka yang hebat kepada Penciptanya. Peristiwa ini banyak mengisyaratkan bahawa kepercayaan dan keyakinan terhadap Allah SWT sahaja tidak memadai untuk dianggap sebagai "penyerahan sejati," sebaliknya ianya mesti dituruti dengan pengakuan lisan dan amal perbuatan manusia.¹²

Seterusnya bertepatan dengan konsep "penyerahan sejati" ini, ajaran Islam tidak pernah memaksa individu manusia untuk memeluk dan menjadikan Islam sebagai pegangan mereka, melainkan dengan keikhlasan serta kerelaan yang lahir daripada diri mereka sendiri.¹³ Sesungguhnya kerelaan individu manusia ini dapat dianggap penting kerana "penyerahan sejati" ini bukan sekadar memadai dengan ketetapan niat dan hati serta pengakuan lisan yang memperakukan keesaan dan kekuasaanNya, tetapi wajib disusuli dengan perbuatan dan ibadah yang selaras dengan tuntutan syariat Allah SWT, seperti yang telah diperjelaskan di atas. Ternyata pandangan al-Attas tentang kerelaan serta keikhlasan hati dalam beriman kepada Allah SWT ini turut dijelaskan oleh Mohammad Hashim Kamali sebagai:

"The doctors of theology and monotheism (*tawhīd*) are in agreement that confession to the faith (*imān*) is not valid if it is not voluntary. In the event therefore, wherever confes-

¹² *Ibid.* hlm. 15.

¹³ Al-Qur'an, 2: 256.

sion to the faith is obtained through compulsion, it is null and void."¹⁴

d. Kebebasan dan Kekuatan Akal-minda (*Judicious Power*)

Seterusnya di sebalik konsep "keterikatan" dan "kepatuhan" yang mutlak kepada Allah SWT yang dimestikan kepada setiap individu Muslim, Allah SWT juga menurut al-Attas telah mengurniakan manusia dengan kuasa menimbang baik-buruk sesuai dengan keupayaan serta kekuatan akal (*judicious power*) mereka yang tidak dikurniakan kepada makhluk-makhluk ciptaan Allah SWT yang lain. Malahan Allah SWT juga telah mengangkat darjat manusia serta memperakukan mereka sebagai makhluk ciptaan-Nya yang terbaik dan berada pada tahap kedudukan yang tertinggi. Meskipun begitu, pengurniaan kuasa menimbang pada akal manusia oleh Allah SWT ini bukanlah bererti bahawa manusia itu bebas untuk melakukan apa yang diinginkan tanpa sebarang sekatan, akan tetapi ia terikat sebagaimana yang telah termaktub dalam "Perjanjian Azali" manusia yang mana ia harus sentiasa "patuh" (*tā'ah*) dan "ber-serah" (*aslama*) terhadap syariat dan hukum-Nya, sebagaimana yang termaktub di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Munir Ahmad Mughal turut menjelaskan kenyataan ini sebagaimana berikut:

"...an opportunity for the performance of duties...the prophets are commissioned to break your chains and remove the halter from your necks so that you may approach your Lord freely with the dignity of free human beings, who is serving God have not served any arbitrary tyrant but have been really true to their ownselves."¹⁵

Bersesuaian dengan kuasa menimbang pada akal yang

¹⁴ Sila rujuk Muhammad Hashim Kamali (1998), *Freedom of Expression in Islam*, Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers, hlm. 88

¹⁵ Sila rujuk tulisan Munir Ahmad Mughal bertajuk "Islamic Concepts of Human Rights," dlm. S.M. Haide (1978) (pyt), *Islamic Concept of Human Rights*, Lahore: The Book House, hlm. 69.

dianugerahkan kepada manusia ini, Allah SWT juga mengurniakan amanah kepada manusia dengan melantik mereka sebagai "khalifah Allah SWT" (*vicegerent*) di bumi.¹⁶ Dalam konteks ini al-Attas menegaskan bahawa adalah penting bagi setiap Muslim untuk memahami konsep sebenar "khalifah Allah SWT" di muka bumi agar manusia tidak menyalahgunakan konsep "kekuasaan" yang terkandung pada istilah tersebut. Bagi menjelaskan konsep "Khalifah Allah SWT" di bumi ini, al-Attas turut menghuraikan kembali tentang konsep "al-Din" yang melahirkan kata "*dana*" dan kata "*madinah*" yang bermaksud "bandar" dalam konteks kehidupan manusia.

Menurut al-Attas, pada kebiasaannya sesebuah "bandar" itu akan menjadi pusat kepada pelbagai kegiatan hidup manusia, termasuklah aktiviti perdagangan (*al-tijarah*), jual beli atau tukaran barang, yang kesemuanya mendedahkan manusia kepada risiko untung dan rugi. Sesungguhnya realiti kehidupan manusia yang berisiko ini banyak berbeza dengan hakikat kehidupan makhluk-makhluk ciptaan Allah SWT yang lain seperti haiwan atau malaikat yang hanya perlu memenuhi tugas asas semata-mata. Malaikat misalnya, hanya ditugaskan sentiasa berkhidmat kepada Allah SWT, tanpa dibebani oleh pelbagai keperluan kehidupan lain yang bersifat rencam. Justeru, dapat dikatakan bahawa manusia merupakan ciptaan Allah SWT yang bukan sahaja telah dianugerahkan oleh Allah SWT dengan kuasa menimbang pada akal, bahkan dikurniakan juga hawa nafsu serta keinginan.¹⁷

Malahan manusia juga secara fitrahnya turut diciptakan oleh Allah SWT sebagai makhluk yang sentiasa mendambakan perubahan dan impian untuk mengejar kemajuan dan kesempurnaan dalam kehidupan mereka. Sesungguhnya, kerencaman kehidupan manusia ini menurut al-Attas banyak meletakkan mereka sebagai satu "alam kecil" atau "*al-'alam al-saghīr*" (*micro-cosmic representation*) kepada "alam besar" atau "*al-'alam al-*

¹⁶ Al-Attas, *The Nature of Man*, hlm. 4.

¹⁷ *Ibid.*, hlm. 8.

kabīr" (*macrocosmos*). Justeru, al-Attas menjelaskan bahawa tanggungjawab manusia sebagai "khalifah Allah SWT" di bumi ini banyak merujuk kepada keupayaan manusia untuk mentadbir "alam kecil" (*al-'ālam al-saghīr*) iaitu dirinya sendiri dengan sebaik-baik pentadbiran mengikut lunas dan syariat Islam agar ia tidak berbuat kerosakan dan kemudaratan kepada "alam besar" (*al-'ālam al-kabīr*) iaitu segala isi muka bumi dan persekitaran yang melingkunginya.¹⁸

Sesuai dengan konsep manusia sebagai "Khalifah Allah SWT" di bumi dan "*al-'ālam al-saghīr*" ini, al-Attas turut menegaskan bahawa setiap individu Muslim bukan sahaja dipertanggungjawabkan atas setiap tindakan dan perbuatannya, bahkan dipersoalkan tentang sejauh manakah mereka dapat melaksanakan amanah yang diberikan oleh Tuhannya. Sesungguhnya, hakikat ini bertepatan dengan kuasa menimbang pada akal yang dimiliki oleh manusia yang sewajarnya digunakan bagi memilih dan menentukan setiap keputusan serta tindakan mereka. Dengan kata lain, dengan menggunakan pertimbangan akal, manusia sebaik-baiknya berikhtiar untuk menentukan arah kehidupan mereka di muka bumi ini, sama ada memilih untuk taat dan patuh terhadap perjanjian mereka dengan Allah SWT serta menuruti segala perintah-Nya ataupun kufur terhadap ikatan perjanjian tersebut dan "bebas" melakukan segala larangan-Nya.¹⁹ Berdasarkan kepada pemahaman ini, dapat dikatakan bahawa Islam tidak pernah menafikan hak individu manusia, bahkan memperakukan "kebebasan" dan "kekuatan" akal yang dimiliki oleh mereka dalam menentukan kehidupan di dunia dan akhirat.

¹⁸ Al-Attas, *Islām: The Concept of Religion*, hlm. 18.

¹⁹ "Individualisme" atau fahaman yang menitikberatkan kebebasan individu dalam setiap tindakannya rata-rata dianggap sebagai antara sifat moden yang telah sedia terkandung dalam ajaran Islam. Pandangan ini antaranya banyak diutarakan oleh al-Attas dalam "Syarahan Pengukuhan" ketika pelantikan beliau sebagai Profesor Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Sila rujuk Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Bandung: Penerbit Mizan, hlm. 73.

Lanjutan daripada pemahaman di atas, al-Attas kemudiannya menjelaskan bahawa kuasa menimbang pada akal yang dimiliki oleh manusia untuk mentadbir diri mereka sendiri haruslah berteraskan kepada "penghayatan" terhadap kebesaran dan keagungan Ilahi, sebagaimana yang terkandung dalam "Perjanjian Azali." Dalam kata lain, beliau menegaskan bahawa pentadbiran alam semesta oleh manusia harus sentiasa berlandaskan kepada konsep "khalifah Allah SWT" di bumi, yang secara umumnya bermaksud manusia mengambil iktibar bagaimana Allah SWT yang mentadbir alam semesta dalam mentadbir diri mereka sendiri. Sesungguhnya pentadbiran alam semesta oleh Allah SWT ini dianggapnya banyak mempamerkan keakuran serta ketaatan alam yang sentiasa bertasbih memuji kebesaran Allah SWT.²⁰

Hakikat ini juga bermaksud bahawa meskipun manusia diangkat darjatnya sebagai "khalifah Allah SWT" serta dikurniakan kuasa menimbang pada akal, ia bukanlah alasan yang dapat mewajarkan manusia untuk melakukan segala perbuatan mungkar dan menuruti segala keinginan mereka dengan sebeb-bebasnya. Sebaliknya manusia masih merupakan hamba-Nya yang bersifat lemah dan terikat dengan perjanjian dengan Allah SWT, sebagaimana yang dijelaskannya:

"...every Muslim is a khalifah of God on earth, so is every Muslim also His slave, His 'abd, striving by himself to prefect his service and devotion, his 'ibadah, in the manner approved by God, his Absolute Master."²¹

Seterusnya, al-Attas turut menjelaskan bahawa Allah SWT telah menciptakan manusia hasil daripada gabungan dua unsur yang penting iaitu roh dan jasad.²² Antara kedua-dua unsur ini, roh dianggap oleh al-Attas memainkan peranan yang utama kerana jasad secara keseluruhannya akan "ditadbir" oleh roh manusia. Oleh itu adalah penting bagi manusia untuk mengetahui serta

²⁰ Al-Attas, *Islām: The Concept of Religion*, hlm. 16.

²¹ *Ibid.*

²² Al-Attas, *The Nature of Man*, hlm. 1.

memahami tentang hakikat roh agar manusia dapat mengenal pasti kelemahannya dan berupaya mengendali serta mendidik rohnya secara bijak. Berasaskan kepada pemahaman ini, al-Attas menjelaskan bahawa dua aspek yang penting dalam roh manusia ialah "akal" (*al-nafs al-nāṭiqah*) dan "nafsu" (*al-nafs al-ḥayawāniyyah*).²³ Secara perbandingannya, "akal" dianggapnya menduduki darjat yang lebih tinggi dan mulia manakala "hawa nafsu" pula berada pada kedudukan yang jauh lebih rendah. Sesuai dengan kedudukannya itu, fungsi kedua-dua "kuasa" ini bukan sahaja bertentangan, bahkan saling bersaing antara satu sama lain untuk meraih tempat dan kedudukan yang utama dalam diri seseorang manusia.²⁴

Sehubungan dengan itu, manusia menurut al-Attas turut dikurniakan oleh Allah SWT dengan sifat "lupa" yang akan menguji sejauh mana sifat "lupa" ini berupaya mempengaruhi kesetiaan manusia terhadap "Perjanjian Azali" yang telah dimeterai oleh mereka dengan Allah SWT. Atas sebab itu juga, al-Attas menjelaskan bahawa manusia itu turut digelar "insan", rata-rata atas sifat lupa (*nisyān*) yang mereka miliki itu. Sesungguhnya, sifat "lupa" yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia inilah yang dianggap oleh al-Attas banyak menjadi punca terhadap keengkarannya serta pengkhianatan manusia terhadap "fitrah"-nya yang terikat pada perjanjian dengan Allah SWT dengan melakukan kezaliman (*zulm*) kepada diri mereka sendiri. Walau bagaimanapun, berbekalkan kepada kuasa menimbang pada akal, manusia masih boleh berusaha (*ikhtiyār*) agar akal mereka sentiasa berada pada kedudukan yang tinggi serta dapat dimanfaatkan bagi mengawal dan melemahkan hawa nafsu, selain menangani sifat "lupa" yang dimilikinya.²⁵ Seandainya ini dapat dilakukan, maka manusia menurut al-Attas bukan sahaja dianggap berupaya mempertahankan kedudukannya sebagai makhluk ciptaan Allah SWT yang terbaik, bahkan dapat memenuhi matlamat asal

²³ *Ibid.*, hlm. 8.

²⁴ *Ibid.*, hlm. 6.

²⁵ *Ibid.*, hlm. 3.

penciptaan mereka di muka bumi iaitu untuk menyembah Allah SWT.²⁶

e. Kalimah Al-Tawhīd

Tidak keterlaluan dikatakan bahawa al-Attas dalam huraiannya banyak menjelaskan tentang ajaran Islam yang pada pemahamannya bertunjangkan kepada dua perkara asas iaitu keimanan dan pengabdian, yang diikat dalam satu kesatuan antara "akal" (*'aql*) dan hati (*qalb*), seterusnya diperakukan oleh lidah (*lisān*) serta dizahirkan pula oleh perbuatan (*'amal*). Hakikat ini juga kemudiannya menurut al-Attas turut terangkum dalam satu pengakuan yang hakiki iaitu ucapan "Kalimah Shahadah" yang memperakukan bahawa "Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad adalah Pesuruh Allah." Sesungguhnya ikatan yang terungkap dalam "kalimah al-Tawhīd" ini turut dianggap menjadi paksi terhadap ilmu serta kehidupan setiap "insan" dan keutuhan ikatannya tidak memungkinkan berlakunya pemecahan atau kompromi antara kesatuan-kesatuan tersebut.

Dalam kata lain, Islam tidak sesekali memperakukan niat serta lafaz iman seseorang terhadap Allah SWT dan Rasul-Nya yang tidak disusuli dengan amalan yang seiring dengan keimanan tersebut. Begitu juga dengan ajaran Islam yang tidak pernah menghalalkan sebarang bentuk pemisahan antara urusan dunia dengan urusan akhirat kerana ia bukan sahaja bercanggah dengan matlamat hidup manusia iaitu untuk mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat, tetapi juga bertentangan pula dengan ajaran asas Islam yang menanggapi dunia dan akhirat sebagai satu kesatuan yang tidak mungkin dipisahkan.²⁷ Sesungguhnya pemahaman ini banyak bersandarkan kepada penjelasan al-Attas yang menyebut:

²⁶ Al-Attas, *Islām: The Concept Religion*, hlm. 20.

²⁷ Dalam sejarah tamadun Barat, berlaku suatu proses yang dinamakan "*secularisme*" yang bertujuan untuk membebaskan manusia daripada belenggu agama dan kuasa Institusi Gereja. Secara umumnya, di bawah konsep ini, kehidupan duniawi manusia akan bebas daripada sebarang

"...no true believer nor faithful one (*mu'min*) without such a one being also submissive in service (*Muslim*); no real assent of heart and mind confirmed by tongue without deed and work; no genuine obedience and loyalty to God without obedience and loyalty to His Messenger; nor can there be true acceptance of the testimony that there is no God but Allah without also accepting Muhammad as His Messenger, who in fact first made manifest the Formula of Unity (*Kalimah al-Tawhīd*)."²⁸

Lanjutan daripada itu, al-Attas turut menegaskan bahawa ungkapan "kalimah al-Tawhīd" ini juga telah menyatukan seluruh umat manusia di bawah satu pengakuan yang serupa. Malahan ikatan perhubungan ini semakin diperkukuhkan oleh hakikat perhubungan manusia dengan Allah SWT, yang pada asasnya termaktub dalam "Perjanjian Azali" yang termeterai antara manusia dengan Allah SWT. Perjanjian ini terkandung ikrar manusia untuk melaksanakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya melalui ajaran yang disampaikan oleh rasul-Nya, Nabi Muhammad SAW. Sesungguhnya ungkapan "kalimah al-Tawhīd" dan ikatan "perjanjian azali" ini berupaya menyatukan umat Islam menuju ke arah cita-cita dan perjuangan hidup yang serupa iaitu mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Isi kandungannya adalah bersifat sejagat dengan melangkaui batas dan sempadan bangsa, etnik, warna kulit, geografi serta zaman. Ungkapan ini turut berupaya mewujudkan ikatan tali persaudaraan Islam yang disebut sebagai "*ukhuwwah Islāmiyyah*."²⁹

sekatan dan tegahan yang lahir daripada ketetapan Institusi Kegerejaan Roman Katholik. Penjelasan lanjut dilakukan oleh al-Attas dalam bukunya *Islam and Secularism*. Rujuk juga Yusuf al-Qardhawi (1999), *Pertentangan Islam dan Sekular: Sekular Pasti Tersungkur*, terj.: oleh Juanda Haji Jaya, Bangi: Maktabah al-Qardhawi, hlm. 62-72. Rujuk juga Che Yusoff Che Mamat (1988), *Sekularisme: Perkembangannya Dalam Masyarakat Muslim*, Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, hlm. 4-17.

²⁸ Al-Attas, *Islām: The Concept of Religion*, hlm. 22.

²⁹ *Ibid.*, hlm. 34-35.

Sejajar dengan pemahaman di atas, al-Attas turut menegaskan bahawa penyatuan umat Islam secara universal di bawah ikatan "*ukhuwwah Islāmiyyah*" ini tidak pula mengugat tanggungjawab individu kerana setiap individu Muslim masih tetap dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT dengan tugas "khalifah Allah SWT" di bumi, selain dipersoalkan secara individu terhadap setiap dosa atau maksiat yang dikerjakan oleh mereka. Malahan setiap individu Muslim juga dituntut supaya menggunakan kuasa menimbang pada akal untuk memastikan agar manusia sentiasa dapat berlaku "adil" terhadap diri mereka sendiri. Lanjutan daripada itu, al-Attas turut menegaskan bahawa "keadilan" menurut ajaran Islam bukan hanya merangkumi situasi dan perhubungan yang melibatkan antara dua pihak, bahkan yang lebih utama ialah keadilan dalam diri individu manusia itu sendiri. Dalam konteks ini, dapat dikatakan bahawa "keadilan" berdasarkan kaca mata Islam rata-rata dapat dicapai oleh manusia apabila mereka berupaya untuk "meletakkan sesuatu itu pada tempat atau kedudukan yang sewajarnya di sisi Allah SWT." Sesungguhnya lawan kepada sifat "adil" ini pula ialah sifat "zalim" yang berlaku apabila manusia tidak lagi dapat melaksanakan kewajiban serta amanah yang diberikan kepada mereka oleh Allah SWT.³⁰

Seterusnya, bagi memahami perkaitan dan perbezaan antara sifat "adil" dan "zalim" ini, al-Attas turut mengundang pembaca untuk kembali memahami tentang hakikat "Perjanjian Azali" yang termeterai antara manusia dengan Allah SWT. Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, "Perjanjian Azali" tersebut menyatakan bahawa manusia telah berjanji untuk sentiasa mentauhidkan Allah SWT serta melaksanakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Ini bererti, sekiranya seseorang Muslim itu melanggar syarat perjanjian di atas, mereka bukan sahaja dianggap mengkhianati dan menzalimi diri sendiri, tetapi juga boleh dianggap sebagai telah melanggar fitrah yang ditentukan oleh Penciptanya iaitu "menyembah Allah SWT." Oleh sebab itu, setiap individu Muslim haruslah sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu

³⁰ *Ibid.*, hlm. 27.

pengetahuan kerana dengan cara itu seseorang manusia dapat membezakan antara perbuatan yang "adil" dan perbuatan yang "zalim", sebagaimana yang diungkapkan oleh al-Attas:

"... when man does an act of injustice, it means that he has wronged his own soul, for he has put his soul in a place not its own; he has misused it; he has made it to exceed or fall short of its real nature; he has caused it to deviate from what is right and to repudiate the truth and to suffer loss. All that he has thus done - in one way or another - entails a violation of his Covenant with God."³¹

2) Hakikat Ilmu

Sejajar dengan kepentingan manusia untuk berlaku "adil" terhadap diri mereka sendiri, pemahaman tentang konsep dan falsafah ilmu yang tepat dan benar turut terkandung dalam konsep "al-Dīn" yang diperjelaskan oleh al-Attas. Sesungguhnya setiap individu Muslim menurut al-Attas, dituntut untuk menuntut ilmu. Pemahaman terhadap konsep dan falsafah ilmu yang tepat dan benar dianggap oleh al-Attas dapat mengelakkan manusia daripada kejahilan dan seterusnya menzalimi diri mereka sendiri. Malahan dengan ilmu juga, seseorang itu akan dapat mengukur baik-buruk tindakan yang bakal dilakukannya dan menentukan keputusan sama ada untuk meneruskan atau membatalkan sahaja niat untuk melakukan sesuatu perbuatan. Sejajar dengan kepentingan ini, tidak hairanlah sekiranya perihal "ilmu" ini telah diungkap sebanyak 750 tempat di dalam isi kandungan al-Qur'an.³²

Sehubungan dengan itu, al-Attas turut menegaskan bahawa dalam keghairahan umat Islam untuk mengejar dan menuntut ilmu, mereka harus sentiasa peka serta memahami tentang matlamat utama dalam menuntut ilmu pengetahuan supaya tugas manusia

³¹ *Ibid.*

³² Sila rujuk Syed Muhammad Dawilah al-Edrus (1993), *Epistemologi Islam: Teori Ilmu Dalam al-Qur'an*, K. Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, hlm. 9.

sebagai "Khalifah Allah SWT" di bumi dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Sesungguhnya Islam menurut al-Attas lagi telah menggariskan bahawa matlamat utama manusia menuntut ilmu adalah untuk mencari kebenaran dan keadilan di sisi Allah SWT. Hal ini kerana ilmu yang berguna dan bermanfaat akan berfungsi sebagai "petunjuk" yang dapat membantu manusia menilai antara kebenaran dengan kepalsuan yang akan terjelma sepanjang kehidupan mereka di muka bumi ini.

Dengan kata lain, bagi memastikan setiap individu Muslim itu mampu untuk meletakkan "sesuatu" itu pada tempat atau kedudukan yang sepatutnya (iaitu berlaku adil), mereka juga harus berupaya meneroka serta memperolehi ilmu yang benar dan mantap, guna sebagai petunjuk dalam kehidupan mereka sehari-hari, sebagaimana yang diperjelaskan oleh al-Attas seperti berikut:

"...justice implies knowledges of the right and proper place for a thing or a being to be; of right as against wrong; of the mean or limit; of spiritual gain as against loss; of truth as against falsehood. This is why knowledge (*al-'ilm : ma'rifah : 'ilm*) occupies a most important position in Islam, where in the Holy Qur'an alone we find more than eight hundred references to knowledge."³³

Seterusnya, dapat dikatakan bahawa aspek yang perlu diberikan perhatian ialah tentang pentingnya setiap individu Muslim untuk peka dan sedar tentang tanggungjawab mereka terhadap ilmu itu sendiri. Ini hanya dapat dilakukan apabila seseorang Muslim mengerti dan memahami tentang hakikat ilmu. Dalam konteks ini, Muhammad Mumtaz Ali turut menjelaskan bahawa secara etimologinya, istilah "'ilm" (ilmu) itu berasal daripada kata "*alama*" yang bermaksud "tanda" (*sign*) yang jika dirujuk dalam kehidupan manusia, dapat difahami sebagai "petunjuk" (*guidance*) yang dapat memberikan pedoman kepada manusia dalam mengharungi kehidupan di muka bumi ini. Malahan menurut beliau lagi, "*alama*" (tanda) ini juga bukan sahaja dapat

³³ Al-Attas, *Islām: The Concept of Religion*, hlm. 27.

menjadikan manusia lebih mengenali hakikat diri manusia, bahkan membantu mereka memahami kedudukan dan hakikat Tuhannya. Justeru, dapat dikatakan bahawa konsep "penyerahan sejati" dan "pengabdian" manusia terhadap Allah SWT turut terangkum dalam istilah "ilmu." Ini bermaksud bahawa bukanlah yang dinamakan "ilmu" itu sekiranya kandungannya menjurus dan mendorong manusia kepada penderhakaan dan kekufuran terhadap Allah SWT, sebagaimana yang ditegaskan oleh Muhammad Mumtaz Ali:

"... recognition and acknowledgement of Allah SWT as the *Rabb*, Lord of the worlds, is embedded in the word "*ilm*"."³⁴

Seterusnya, al-Attas berpendapat bahawa hanya dengan berteraskan kepada pemahaman yang mantap terhadap makna ilmu serta kedudukannya dalam ajaran Islam, manusia akan dapat mengelakkan diri daripada terkeliru tentang ilmu. Dalam konteks ini, al-Attas turut menjelaskan bahawa berlakunya kecelaruan ilmu di kalangan umat Islam hari ini banyak disebabkan kegagalan mereka untuk mengenali dan membezakan batas-batas ilmu, keutamaan dan kepentingan ilmu tersebut serta kedudukan dan martabat ilmu yang dipelajari serta diterokainya. Seandainya setiap individu Muslim dapat memahami dan menguasai pemahaman tersebut, maka besar kemungkinan umat Islam tidak akan menghadapi masalah dalam mengejar kemajuan hidup atau kemungkinan dipengaruhi oleh nilai-nilai yang mengelirukan. Malahan pemahaman terhadap makna ilmu itu juga menurut al-Attas, akan memungkinkan seseorang Muslim itu untuk memanfaatkan dan mengendalikan sesuatu ilmu secara berhikmah dan bijaksana. Sesungguhnya tanpa hikmah atau kebijaksanaan ini, masalah "kecelaruan ilmu" akan berlaku di kalangan masyarakat Islam sehingga mereka sanggup menggunakan pengetahuan (*sciences*) yang dimiliki untuk tujuan yang bertentangan dengan syariat dan mengkhinati perjanjian mereka dengan Allah SWT. Bertolak

³⁴ Sila rujuk Muhammad Mumtaz Ali (1978), *Islam and The Western Philosophy of Knowledge*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication, hlm. 16.

daripada pemahaman inilah al-Attas menjelaskan tentang pentingnya umat Islam untuk memahami dan menangani ilmu mengikut susunan hierarki yang diasaskan kepada kedudukannya yang paling hampir kepada Allah SWT.

a. Jenis Ilmu Yang Pertama

Sejajar dengan peri pentingnya pemahaman umat Islam terhadap hakikat ilmu yang berasaskan kepada hierarki ini, al-Attas kemudiannya turut membahagikan ilmu kepada dua jenis iaitu:

- i. ilmu yang dikurniakan oleh Tuhan kepada manusia, dengan merujuk kepada al-Qur'an sebagai sumbernya (seterusnya akan dirujuk sebagai "jenis ilmu pertama"),
- ii. pengetahuan (*sciences*) yang diperolehi oleh manusia berdasarkan pengalaman dan pemerhatian mereka, rata-rata hasil daripada keinginan dan rasa ingin tahu (seterusnya akan dirujuk sebagai "jenis ilmu yang kedua").

Dapat dikatakan bahawa dalam "jenis ilmu yang pertama" ini, al-Qur'an merupakan sumber ilmu yang berautoriti, sempurna dan layak dijadikan pedoman kepada manusia dalam menjalani kehidupan mereka di muka bumi ini. Ilmu yang terkandung di dalam al-Qur'an telah disampaikan kepada manusia oleh Allah SWT dengan perantaraan Jibrail kepada Nabi Muhammad SAW. Ilmu yang terkandung di dalam al-Qur'an ini juga telah "diterjemahkan" kepada bentuk pengucapan, tingkah laku dan pandangan hidup Nabi Muhammad s. 'a.w, yang kemudiannya memungkinkan lahirnya sumber yang masih berada dalam lingkungan "ilmu jenis yang pertama," yang dinamakan sebagai al-Sunnah.

Menurut al-Attas, kelahiran sumber al-Sunnah ini adalah hasil daripada manifestasi hukum dan syariat Allah SWT, sebagaimana yang terkandung di dalam al-Qur'an kepada bentuk perkataan (*qawl*), perbuatan (*fi'l*) dan ketetapan (*taqrir*) Rasul-Nya, Muhammad SAW. Malahan isi kandungan al-Sunnah ini juga turut mengandungi dan merangkumi Ilmu Laduni dan "hikmah" yang kesemuanya menjadi antara unsur asas yang dapat disatukan dalam

"jenis ilmu pertama."³⁵ Sesungguhnya, dua unsur yang terakhir dalam lingkungan "jenis ilmu pertama" iaitu Ilmu Laduni dan "hikmah" ini merupakan ilmu yang boleh dimiliki oleh manusia biasa, selain para rasul a.s. Namun sesuai dengan status dan kemuliaan "jenis ilmu pertama" yang berteraskan al-Qur'an dan ditambah pula dengan sifatnya yang lebih merupakan suatu "anugerah" daripada Allah SWT, maka ia hanya dapat diperolehi oleh manusia melalui ketaatan dan ibadah yang dilakukan dengan niat yang ikhlas, semata-mata kerana Allah SWT. Seandainya syarat-syarat tersebut telah dipenuhi, maka wujud kemungkinan bahawa seseorang manusia itu dapat dikurniakan oleh Allah SWT dengan Ilmu Laduni atau "hikmah", sama ada secara ilham, *dhawq* (gerak hati) atau *kashf* (*spiritual vision*). Lebih lanjut lagi, oleh kerana Ilmu Laduni dan "hikmah" ini merupakan ilmu yang mempamerkan kehebatan Allah SWT dan menjadikan manusia lebih mengenali dan mendekati Penciptanya, maka kedua-dua ilmu ini berada pada tahap dan kedudukan yang lebih tinggi berbanding "jenis ilmu kedua."

Selain itu, dapat juga dianggap bahawa pertautan antara "hikmah" dan "ilmu" ini pula sangat akrab sehingga Muhammad Mumtaz Ali menganggap bahawa secara konseptualnya, "hikmah" dan "ilmu" bukan sahaja merupakan dua unsur yang saling berkait rapat antara satu sama lain, tetapi juga saling perlu-memerlukan antara keduanya. Ini kerana menurutnya, "hikmah" memerlukan kepada "ilmu" dalam usaha untuk menghalang manusia daripada melakukan kejahatan dan kemungkaran kepada Allah SWT manakala "ilmu" pula menuntut akan "hikmah" untuk memastikan "ilmu" itu dapat dipraktikkan sebaik-baiknya dalam bentuk amalan. Beliau menegaskan bahawa berdasarkan hakikat inilah juga, al-Qur'an dan kitab-kitab yang sebelumnya dinamakan dengan beberapa gelaran seperti "*al-Kitāb al-Hakīm*", "*al-'ilm*" dan "*al-ḥaqq*." Berdasarkan kepada pengertian "hikmah" dan "ilmu" yang luas dan kompleks ini, dapat dikatakan bahawa Muhammad Mumtaz Ali juga mempunyai kecenderungan fikrah yang senada

³⁵ Al-Attas, *Islām: The Concept of Religion*, hlm. 93.

dengan al-Attas apabila beliau menolak terjemahan dan penggunaan istilah Inggeris ke atas kedua-dua istilah Arab tersebut. Menurutnya, penggunaan kedua-dua istilah tersebut dalam bahasa Inggeris tidak dapat menampung pengertian sebenar yang terkandung dalam istilah "hikmah" dan "ilmu", sebagaimana katanya:

"... the terms "knowledge" and "wisdom" do not convey the ocean of meaning of the terms "*ilm*" and "*hikmah*" on the same way as the terms "religion", "faith", Lord, and several others do not convey the full meaning of the the terms "*al-Dīn*," "*īmān*," "*Rabb*" and others."³⁶

Berbalik semula tentang sifat "jenis ilmu pertama" yang merupakan satu "anugerah" Allah SWT dan memerlukan ibadah yang ikhlas sebagai "pra-syarat" penting untuk memperolehnya, al-Attas menjelaskan bahawa bagi memperolehi ilmu tersebut seseorang Muslim itu harus mengetahui dan arif tentang beberapa "pra-syarat" itu sendiri. Pengetahuan tentang "prasyarat" yang dimaksudkan oleh al-Attas ini ialah keperluan memahami dan menghayati ilmu dasar Islam iaitu "al-Islām, al-Īmān, al-Ihsān," prinsip-prinsip "Rukun Islam" (*arkān al-Islām*) dan "Rukun Iman" (*arkān al-Īmān*), hakikat Tauhid, isi kandungan Al-Qur'an serta Sunnah Rasul yang menjadi tunjang kepada ilmu dan ajaran Islam yang hakiki. Berteraskan kepada pemahaman terhadap perkara-perkara pokok di atas, setiap individu Muslim haruslah menzahirkan segala pemahaman dan penghayatan terhadap pengetahuan-pengetahuan tersebut dalam bentuk amal perbuatan atau ibadah kepada Allah SWT dalam kehidupan seharian mereka. Sesungguhnya dengan cara ini seseorang Muslim itu berkemungkinan dianugerahi oleh Allah SWT dengan "jenis ilmu pertama" yang akan memandu manusia menuju ke arah jalan yang benar dan diredhai-Nya.³⁷

³⁶ Muhammad Mumtaz Ali, *Islam and The Western Philosophy of Knowledge*, hlm. 17.

³⁷ Al-Attas, *Islām: The Concept of Religion*, hlm. 93.

b. Jenis Ilmu Kedua

Seterusnya, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, "jenis ilmu kedua" merujuk kepada pengetahuan (*sciences*) atau "*ulūm*" yang diperolehi hasil daripada pengalaman, pengamatan dan penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang individu. Berbeza dengan "jenis ilmu pertama," "jenis ilmu kedua" ini bersifat deduktif, luas dan bergantung kepada daya sensitiviti dan kepintaran manusia dalam menerokai data dan maklumat yang diperolehinya untuk dimanfaatkan dalam kehidupan seharian mereka. Seandainya "jenis ilmu pertama" itu berupaya mempamerkan kehebatan dan kekuasaan Allah SWT dan mengingatkan manusia tentang hakikat perjanjian dan hubungannya dengan Penciptanya, "jenis ilmu kedua" ini pula rata-rata lebih bersandarkan kepada daya pemikiran dan spekulasi manusia yang bersifat relatif, yang memberikan kebebasan mutlak kepada manusia dalam penerokaan ilmu. Akan tetapi dapat dikatakan bahawa al-Attas tidak menafikan bahawa penguasaan manusia terhadap "jenis ilmu kedua" juga berupaya mendekatkan diri mereka kepada Allah SWT dengan syarat penerokaan dan pencarian ke atasnya dilakukan dengan bersandarkan kepada hakikat perjanjian manusia dengan Tuhannya. Seandainya penerokaan "jenis ilmu kedua" ini tidak berlandaskan kepada hakikat tersebut, maka penguasaan ilmu itu boleh mengundang kemudaratan dalam kehidupan manusia, selain menjauhkan manusia daripada Allah SWT.

Berteraskan kepada alasan di atas juga, al-Attas menjelaskan bahawa pemahaman dan penghayatan terhadap "jenis ilmu pertama" rata-rata menjadi "pra-syarat" dan landasan penting terhadap penerokaan "jenis ilmu kedua." Dalam kata lain, sebelum seseorang Muslim itu mengejar dan meneroka "jenis ilmu kedua," mereka terlebih dahulu haruslah menguasai dan menghayati "jenis ilmu pertama" yang akan dapat memastikan penerokaan dan pencarian "ilmu jenis kedua" ini tidak tersasar daripada matlamat untuk mengenal kebesaran dan keagungan Allah SWT. Seandainya hal ini tidak dilakukan, maka manusia bukan sahaja berkemungkinan untuk terjerumus dalam kancah "kecelaruan ilmu", tetapi

juga akan menuju ke arah kesesatan.

Sesungguhnya pemahaman tentang pentingnya "jenis ilmu pertama" yang menjadi teras terhadap penerokaan "jenis ilmu kedua" ini antaranya turut mendasari pemahaman Zakaria Awang Soh, sebagaimana yang terkandung dalam teks syarahan perdananya:

“Dalam hal ini maka adalah amat bermanfaat sekali sekiranya manusia menggunakan wahyu ini sebagai satah permulaan kajian-kajian mereka. Kebenaran ini telah jelas terbukti dengan sarjana-sarjana Islamlah yang mula-mula maju di dalam serba bidang ilmu pengetahuan termasuk astronomi dan kosmologi. Mereka benar-benar menghayati wahyu Allah SWT dan menggunakannya sebagai asas kepada kajian-kajian yang mereka lakukan. Mereka tidak terkuar-kuar di ruangan kosong tanpa pegangan yang jelas dan nyata. Nama-nama seperti Khwarizmi, Al-Biruni, Nasir al-Din al-Tusi, Qutb al-Din al-Shirazi, Abu Abdullah al-Battani (albatagrius), Ibn al-Haytham (Alhazem), Nur al-Din al-Bitruji (Alpetragius) Ibn Batuta, Ibn Sina, Al-Farabi adalah antara beratusan sarjana Islam yang telah banyak menyumbangkan tenaga untuk mempertingkatkan penghayatan ilmu pengetahuan. Malangnya sarjana Islam selepas mereka ini dan juga yang ada di masa kini telah terjebak ke dalam kancah kekeliruan tentang asas ilmu pengetahuan.”³⁸

Lanjutan daripada itu, telah dinyatakan bahawa “jenis ilmu kedua” ini juga tidak mempunyai batasan dan sempadan yang melingkunginya serta bergantung terhadap daya usaha dan keghairahan manusia dalam menerokainya. Dengan kata lain, manusialah yang menjadi penentu terhadap penerokaan “jenis ilmu kedua” yang luas ini. Hakikat ini bertentangan dengan “jenis ilmu pertama” yang sentiasa akur terhadap hakikat “sempadan” wahyu

³⁸ Sila rujuk Zakaria Awang Soh (1992), *Kecanggihan Alam Semesta: Antara Wahyu Dengan Pengetahuan Sains*, Bangi: Penerbit UKM, hlm. 24.

yang diturunkan oleh Allah SWT, sebagaimana yang terkandung dalam dua sumber utamanya, iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Atas sifat "jenis ilmu kedua" yang luas dan ketiadaan batas sempadan serta ditambahkan lagi dengan sifat "pelupa" yang menjadi sebahagian fitrah manusia ini, maka besar kemungkinan dalam meneroka "jenis ilmu kedua" ini, manusia mudah untuk menjadi terlalu terpesona sehingga lupa terhadap hakikat perjanjian dan hubungannya dengan Pencipta. Oleh sebab itu, al-Attas turut menegaskan bahawa manusia haruslah berupaya mengelakkan daripada berlaku zalim kepada dirinya sendiri dengan membataskan dan menghadkan pencarian serta penerokaan mereka terhadap "jenis ilmu kedua," sejajar dengan keperluan dan kepentingan kehidupannya sebagai hamba di muka bumi Allah. Ini bermakna manusia dituntut agar sentiasa berlaku "adil" dengan meletakkan kepentingan ilmu itu pada kedudukan dan tempat yang sewajarnya, bertepatan dengan perjanjian dan tujuan penciptaan serta kehadiran mereka di muka bumi. Seajar dengan konsep perjanjian asal manusia dengan Allah SWT itu, setiap individu Muslim perlu akur terhadap hakikat "keterbatasan" ini dan mampu bertindak secara adil dengan meletakkan "jenis ilmu kedua" ini pada kedudukan yang sewajarnya.³⁹

Selain dari itu, sejajar pula dengan tuntutan supaya manusia dapat berlaku "adil" terhadap ilmu, al-Attas menjelaskan bahawa ajaran Islam menetapkan perlunya untuk setiap Muslim membekakan dan mengasingkan antara dua jenis ilmu yang penting iaitu Ilmu Fardu 'Ayn iaitu ilmu yang diwajibkan ke atas setiap individu Muslim dengan Ilmu Fardu Kifayah, yang meskipun tidak seberat hukum "ilmu fardhu 'ayn," tetapi kepentingannya boleh disesuaikan oleh keadaan dan situasi manusia. Dalam konteks ini, dapat dikatakan bahawa pembahagian serta martabat ilmu yang wujud dalam Islam ini banyak menjadi petanda bahawa ajaran Islam amat menitikberatkan soal berlaku "adil" terhadap ilmu-ilmu tersebut dengan menempatkan ilmu-ilmu tersebut pada tahap dan kedudukan yang sesuai dengan martabat serta kepentingannya di sisi

³⁹ Al-Attas, *Islām: The Concept of Religion*, hlm. 94.

Allah SWT. Sesungguhnya, pembahagian "ilm fard 'ayn" dan "ilm fard kifayah" ini juga menggambarkan betapa dalam ajaran Islam itu sendiri terdapat jenis ilmu yang berguna dan penting kepada setiap individu manusia, manakala pada masa yang sama, tidak semua jenis ilmu itu bermanfaat dan sesuai dalam pembentukan diri individu sebagai "hamba Allah yang soleh."⁴⁰

Dengan kata lain, al-Attas menjelaskan bahawa ajaran Islam memperakukan tentang wujudnya martabat ilmu dan tidak meletakkan semua jenis pengetahuan atau maklumat sebagai "ilmu," jika ianya secara terang-terangan bercanggah dengan syariat dan perjanjian manusia dengan Allah SWT. Pemahaman ini dapat diperkukuhkan dengan penjelasan Osman Bakar yang antara lain turut memperakukan kewujudan martabat dalam ilmu yang dianggapnya sebagai asas kepada epistemologi Islam dan sejajar dengan tuntutan al-Qur'an dan al-Sunnah, seperti katanya, "... *the Qur'anic verses themselves are of various grades in respect of value although all of them are believed to be of divine origin. This is because they deal with different levels of reality.*"⁴¹ Lanjutan daripada pemahaman ini, dapat dikatakan bahawa dalam meneroka ilmu dan mengejar kemajuan duniawi, umat Islam juga dituntut untuk sentiasa akur terhadap hakikat ilmu supaya mereka berupaya menempatkan ilmu pengetahuan sejajar dengan tujuan utama manusia meneroka ilmu pengetahuan iaitu mencari kebenaran dan berlaku "adil" terhadap diri mereka sendiri sebagai "Khalifah Allah SWT" di muka bumi ini.

Makna Pandangan Hidup (*Vision of Reality*) dan Kerangka Akhlak Menurut Islam

Lanjutan daripada matlamat asal kejadian manusia itu dan kedudukan ilmu dalam Islam, al-Attas turut mengutarakan

⁴⁰ *Ibid.*, hlm. 33.

⁴¹ Sila rujuk Osman Bakar (1992), *Classification of Knowledge in Islam: A Study in Islamic Philosophies of Science*, Kuala Lumpur: Institute For Policy Research, hlm. 44.

pandangannya tentang makna "pandangan hidup" Islam, yang menurutnya berupaya memperlihatkan dan memperjelaskan lagi tonggak utama kehidupan manusia. Sehubungan dengan itu, beliau turut menjelaskan bahawa Islam telah memberikan fokus dan pandangan yang jelas terhadap soal "pandangan hidup" dan soal "kewujudan" dengan membezakan antara "kewujudan" atau "*wujūd*" dengan "kehadiran" atau "*mawjūd*". Malahan Islam menurutnya juga mengasingkan antara "kesatuan" atau "*wahdah*" dengan "kepelbagaian" atau "*kathrah*" dan antara "kekal" atau "*baqā'*" dengan "kesementaraan" atau "*fanā'*".⁴² Makna "pandangan hidup" Islam menurut al-Attas adalah berpaksikan kepada ajaran wahyu, yang di dalamnya turut merangkumi bukan sahaja aspek objektif, metafizikal dan ontologikal, bahkan aspek subjektif, suluk dan psikologikal tentang hakikat tersebut. Dengan kata lain, Islam menurut pemahaman al-Attas menetapkan bahawa "pandangan hidup" umat Islam pada hakikatnya ialah menuju kepada sesuatu yang "wujud" dan bukannya kepada sesuatu "belum wujud" atau "akan wujud." Ini juga bererti bahawa umat Islam secara keseluruhannya dituntut supaya mempunyai hala tuju dan berpegang teguh terhadap sesuatu yang bersifat "kekal" atau "*baqā'*" dan bukan kepada sesuatu yang bersifat "sementara" yang boleh "berubah-ubah" atau "*fanā'*".⁴³

Sejajar dengan tuntutan di atas, Islam sendiri telah menawarkan ajaran yang sempurna yang dijamin tidak akan mengalami perubahan dan tidak juga memerlukan perubahan, sebagaimana jaminan yang diberikan Allah SWT terhadap ketulenan dan kerelevanan isi kandungan al-Qur'an sebagai pedoman manusia di sepanjang zaman. Berpaksikan kepada hakikat ini, al-Attas turut menegaskan bahawa Islam tidak memerlukan sebarang usaha untuk memperbaiki atau melengkapkannya kerana ajaran Islam telah mencapai kesempurnaan sebagai suatu cara hidup manusia, sebagaimana yang terkandung dalam istilah "al-Dīn." Justeru, beliau menegaskan bahawa "pandangan hidup" Islam wajar

⁴² Al-Attas, *Islām: The Concept of Religion*, hlm. 35.

⁴³ *Ibid.*

bertolak daripada falsafah dan pemahaman tentang "Hakikat Insan" itu sendiri dan penghayatan manusia terhadap "Hakikat Ilmu," sebagaimana yang telah dibincangkan sebelumnya.

Dalam konteks ini, al-Attas menjelaskan bahawa konsep perubahan, kemajuan dan perkembangan di sisi Islam adalah merujuk kepada peralihan umat Islam daripada kehidupan yang dimurkai Allah SWT, menuju kepada kehidupan yang diredhainya dan bukanlah yang dinamakan perubahan, kemajuan atau perkembangan sekiranya proses peralihan itu berlaku sebaliknya.⁴⁴ Justeru proses perubahan dan kemajuan umat Islam pada hakikatnya menuju serta menjurus kepada ajaran Islam yang sejati dan segala perubahan serta kemajuan mestilah bersandarkan kepada ajaran yang pasti dan sempurna, sebagaimana yang terkandung di dalam al-Qur'an dan Sunah Rasulullah s. 'a.w. Menurut al-Attas, bukanlah juga maksud "perubahan" dan "kemajuan" sekiranya "perubahan" dan "kemajuan" tersebut hanya menuju ke arah sesuatu yang belum pasti, kabur dan belum tentu kewujudannya. Dengan kata lain, sebagaimana yang telah dinyatakan sebelumnya bahawa "pandangan hidup" Islam pada realitinya adalah menuju ke arah kehidupan yang sejajar dengan tuntutan dan pedoman yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada umat Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah.

Sesungguhnya, ajaran-ajaran yang terkandung di dalam al-Qur'an diwahyukan oleh Allah SWT kepada Rasul pilihan-Nya, Nabi Muhammad s. 'a.w, yang kemudiannya bukan sahaja disampaikan oleh Baginda kepada umat Islam seluruhnya, bahkan terpancar oleh lidah dan hati baginda melalui pengucapan, amalan dan ketetapan-Nya (al-Sunnah). Ketokohan Nabi Muhammad SAW sebagai model akhlak yang terpuji ini diungkapkan oleh al-Attas sebagai:

"He is man whom God has created with a character exalted as the standard for mankind; he is the Perfect Man and Exemplar 'par excellence'."⁴⁵

⁴⁴ *Ibid.*, hlm. 36.

⁴⁵ *Ibid.*, hlm. 40.

Dengan kata lain, etika, moral dan akhlak yang diperlihatkan oleh Nabi Muhammad s. 'a.w bukan sahaja mulia dan terpuji, bahkan turut diperakukan oleh Allah SWT sebagai sejajar dengan akhlak yang dianjurkan al-Qur'an. Berteraskan kepada hakikat ini, umat Islam sememangnya dituntut oleh agamanya untuk sentiasa menjadikan Nabi Muhammad s. 'a.w sebagai model serta kerangka akhlak yang unggul dalam membentuk diri menjadi "hamba Allah S.W.T yang soleh." Sesungguhnya kerangka akhlak inilah yang menjadi asas penting dalam "pandangan hidup" Islam secara keseluruhannya.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa sepanjang kehidupan manusia di muka bumi Allah S.W.T ini, mereka akan sentiasa terikat dengan perjanjian yang dimeterai antara manusia dengan Penciptanya. Hakikat kejadian insan ini juga melahirkan "keterikatan," pengabdian" serta "penyerahan sejati" yang dipamerkan oleh manusia terhadap Allah SWT dan semua ini terangkum sebagai satu "fitrah" yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia. Namun di sebalik keterikatan dan pertautan yang erat antara manusia dengan Tuhannya, manusia juga telah dikurniakan oleh Allah SWT dengan kekuatan akal dan iktihar untuk mentadbir diri mereka sesuai dengan perlantikan manusia sebagai "khalifah Allah SWT" di bumi oleh Penciptanya. Seajar dengan amanah dan tanggungjawab yang dipikul itu, manusia juga dituntut supaya sentiasa memelihara diri mereka daripada melakukan pengkhianatan dan kezaliman, bukan sahaja terhadap "Perjanjian Azali" tersebut, bahkan juga kepada diri mereka sendiri. Justeru bagi memastikan manusia sentiasa dapat berlaku adil terhadap dirinya, mereka perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang sebenar. Oleh itu, pemahaman dan penguasaan umat islam terhadap ilmu yang berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah rata-ratanya ditekankan kerana ia dapat memandu manusia dalam kehidupannya. Seterusnya, penerokaan umat Islam terhadap ilmu duniawi ini juga haruslah berlandaskan kepada hakikat ilmu

wahyu yang menduduki kedudukan yang lebih tinggi. Malahan ajaran al-Qur'an yang terpancar melalui Sunnah Rasulullah s. 'a.w itu menjadi asas dalam "pandangan hidup" Islam serta kerangka dan contoh akhlak bagi umat Islam. Secara konklusifnya, dapat dikatakan bahawa al-Attas melalui kedua-dua tulisannya ini banyak menyarankan umat Islam supaya kembali menghayati dan memahami ajaran Islam yang sejati dengan berlandaskan al-Qur'an dan al-Sunnah serta tidak sekali-kali memisahkan kedua-dua sumber tersebut daripada kehidupan duniawi yang dilalui mereka.